

Capai kecemerlangan pelbagai bidang

► UMS muh lahirkan sumber manusia berdaya saing

Oleh YAP SIONG HAN

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) berusaha untuk mencapai kecemerlangan akademik dalam pelbagai bidang dengan memperoleh pelbagai pencapaian

dan pengiktirafan antarabangsa.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, usaha itu merangkumi aspek pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan, perkhidmatan sosial serta pengkhususan

yang seimbang dalam pengetahuan dan perkembangan personaliti pelajar.

“Ia seiring dengan harapan universiti untuk menjadi sebuah institusi yang pakar dalam melatih serta melahirkan tenaga sumber manusia yang mampu bersedia mendepani

kepesatan perkembangan dan cabaran masa depan.

“Dalam masa sama, ia membolehkan universiti ini mewujudkan modal insan yang bersedia menyumbang ke arah kemajuan masyarakat sejagat dan negara,” katanya ketika merasmikan Hari Terbuka Pusat Penataran Ilmu



MARCUS (duduk, tiga kiri) merakamkan gambar kenangan bersama para ahli jawatankuasa pengajur.



MARCUS (tiga kiri) menyempurnakan simbolik perasmian sambil diperhatikan **Jualang** (tiga kanan).

dan Bahasa (PPIB) yang bertemakan ‘Meet & Greet, Local, International Students and Postgraduates’, pada Isnin.

Teks ucapan beliau disampaikan Penolong Naib Canselor Prof Dr Marcus Jopony.

Beliau berkata, UMS sentiasa komited sepenuhnya untuk mencapai standard kualiti tertinggi dalam aspek akademik dan

bukan akademik.

“Sejak penubuhannya, UMS telah menghasilkan sumber manusia, pakar dan profesional dalam pelbagai bidang.

“Dengan visi melahirkan pendidikan berkualiti tinggi kepada siswa-siswi tempatan dan global, para pelajar prasiswazah dan pascasiswazah menerima bimbingan dan peluang pembelajaran

dalam persekitaran yang menghargai bakat dan inovasi,” katanya.

Program Hari Terbuka yang diadakan sehingga 29 Mac itu turut diisi dengan acara kempen derma darah, gerai jualan, persembahan pelajar antarabangsa dan acara kebudayaan.

Hadir sama pada majlis perasmian, Dekan PPIB Prof Dr Jualang @Azlan Abdullah Gansau.